

ULASAN PERUNDANGAN

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2023: SUATU PANDANGAN

Maizatun Mustafa
maizatun@iium.edu.my

Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia.

PENDAHULUAN

Sumber alam semula jadi, seperti air, udara, tanah, tumbuh-tumbuhan, hidupan liar dan bahan mentah, merupakan khazanah negara yang tidak ternilai. Namun begitu, isu alam sekitar, seperti pencemaran udara, laut dan air, pembuangan sampah dan sisa toksik, penebangan hutan yang tidak terkawal, serta pengurangan sumber asli, telah memberikan pelbagai kesan terhadap alam sekitar dan manusia. Hal ini termasuklah ketidakseimbangan ekosistem, pemanasan global dan perubahan iklim.

Sebagai sebuah negara membangun, antara penyebab utama pencemaran alam sekitar di Malaysia termasuklah aktiviti manusia dari pelbagai sektor, seperti perindustrian, perladangan, pengangkutan, pembinaan dan pembuatan. Sejak awal lagi, Malaysia menyedari keperluan undang-undang untuk melindungi alam sekitar dan membanteras pencemaran, serta memastikan pembangunan dilaksanakan secara lestari. Undang-undang tersebut perlu mempunyai fungsi yang tersendiri dan mengambil kira keadaan sosioekonomi negara. Oleh sebab Malaysia mempunyai sektor perindustrian yang berkembang sejak era 70-an, undang-undang alam sekitar penting untuk mengawal selia pelepasan sisa kilang dan industri, termasuklah mengawal pencemaran udara, air dan tanah, serta memastikan pertumbuhan industri tidak mengorbankan kesihatan alam sekitar.

Undang-undang alam sekitar juga perlu berfungsi sebagai mekanisme yang dapat mengawal sisa buangan dan mengurus aktiviti kitar semula untuk meminimumkan pencemaran dan menggalakkan amalan pengurusan sisa yang lestari. Bukan itu sahaja, undang-undang alam sekitar diperlukan demi penguatkuasaan dan pematuhan yang berkesan,

termasuklah pemantauan, pemeriksaan dan tindakan undang-undang terhadap pelanggaran akta. Antara fungsi lain undang-undang alam sekitar termasuklah penyediaan platform bagi proses penilaian kesan alam sekitar (EIA) terhadap projek yang berpotensi memberikan kesan buruk, serta menggalakkan perancangan dan pelaksanaan projek yang lebih lestari.

Di samping itu, undang-undang alam sekitar juga diperlukan untuk menggalakkan penyertaan awam demi memastikan ketelusan dan memberikan peluang kepada rakyat untuk terlibat dalam membuat keputusan, meningkatkan kesedaran awam dan memupuk budaya penjagaan alam sekitar. Pada peringkat antarabangsa pula, undang-undang alam sekitar adalah perlu bagi memudahkan pelaksanaan komitmen konvensyen antarabangsa, menggalakkan kerjasama global dalam isu tertentu, seperti perubahan iklim, pemuliharaan biodiversiti dan pencemaran rentas sempadan.

Dengan memenuhi fungsi ini, undang-undang alam sekitar di Malaysia dapat membantu mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan kelestarian ekosistem, serta memastikan pembangunan dicapai tanpa menjejaskan kesihatan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Dalam usaha untuk merangka pendekatan bersepadu bagi pengurusan alam sekitar, pada tahun 1974, Malaysia menggubal Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS). Skop Akta ini ialah mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam keliling, serta untuk maksud yang berkaitan dengannya. Akta ini menjadi undang-undang paling utama dalam pengawalan pencemaran daripada pelbagai punca, dan membentuk perundangan asas untuk mencapai objektif polisi alam sekitar negara. Sebagai undang-undang persekutuan, AKAS terpakai di seluruh Malaysia. Kuasa pelaksanaannya adalah secara eksklusif di bawah kerajaan persekutuan, iaitu di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) mengandungi Seksyen 1 hingga Seksyen 50 yang disokong oleh Kaedah, Peraturan atau Perintah yang ditetapkan di bawah akta ini. Seksyen AKAS disusun dalam beberapa bahagian. Bahagian I, di bawah tajuk Permulaan adalah berkaitan dengan tafsiran. Bahagian II meliputi peruntukan pentadbiran Akta. Bahagian III meliputi peruntukan berkenaan lesen. Bahagian IV mengandungi larangan dan kawalan mengenai pencemaran. Bahagian IVA adalah berkaitan dengan kawalan buangan terjadual. Peruntukan mengenai rayuan pelesenan dan Lembaga Rayuan pula terdapat dalam Bahagian V. Bahagian VA adalah berkaitan dengan pembayaran ses dan kumpulan wang atau dana alam

keliling. Bahagian akhir, iaitu Bahagian VI, berkaitan dengan pelbagai perkara.

Terdapat beberapa peruntukan mengenai pencemaran dalam AKAS, termasuklah pencemaran udara (Seksyen 22), pencemaran bunyi (Seksyen 23), pencemaran tanah (Seksyen 24), pencemaran air pedalaman (Seksyen 25), pencemaran yang disebabkan oleh minyak di perairan Malaysia (Seksyen 27), pencemaran yang disebabkan oleh pembuangan sisa ke dalam air Malaysia (Seksyen 29) dan pencemaran yang disebabkan oleh pembakaran terbuka (Seksyen 29A).

Selain itu, akta ini bersifat rangka kerja dan direka bentuk agar dapat disesuaikan dengan strategi baharu demi perubahan dan keperluan dalam perlindungan alam sekitar di Malaysia. Secara keseluruhannya, AKAS membentuk satu instrumen bagi mencapai objektif dasar alam sekitar negara, iaitu memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar. Hal ini bermakna, pihak yang berkepentingan perlu sentiasa peka terhadap kemerosotan alam sekitar dan keperluan negara dalam aktiviti pembangunan. Oleh hal yang demikian, peruntukan AKAS perlu sentiasa disemak, dibaiki dan dipinda demi menyesuaikan dengan cabaran baharu.

PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 YANG TERDAHULU

Sehingga tahun 2012, AKAS telah dipinda sebanyak enam kali, iaitu pada tahun 1985, 1996, 1998, 2001, 2007 dan 2012. Pindaan pada tahun 1985 (Akta A636) melibatkan 28 pindaan dengan memasukkan peruntukan EIA (Seksyen 34A). Pindaan ini dilakukan sebagai tindak balas terhadap kebimbangan masyarakat yang makin meningkat tentang kemusnahan alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti pembangunan. Oleh itu, usaha memperkenalkan sistem penilaian kesan alam sekitar (EIA) untuk projek pembangunan berskala besar satu daripada cara untuk mencegah kemusnahan alam sekitar.

Pindaan pada tahun 1996 (Akta A953) pula melibatkan 66 pindaan yang berkaitan dengan peningkatan penalti, audit dan Kumpulan Wang Alam Sekitar. Pindaan ini meningkatkan kadar denda dan penalti bagi ketidakpatuhan terhadap peraturan alam sekitar sebagai tindak balas terhadap peningkatan kesalahan alam sekitar ketika Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kadar penalti yang lebih tinggi ditetapkan dalam pindaan pada tahun 1996, selain peningkatan tempoh penjara bagi kesalahan yang membabitkan bahan buangan terjadual, iaitu

daripada tempoh dua tahun kepada lima tahun, dan denda maksimum daripada RM10,000 kepada RM500,000.

Pada tahun 1998, AKAS sekali lagi dipinda (Akta A1030) yang melibatkan empat pindaan yang berkaitan dengan pembakaran terbuka (Seksyen 29A, 29B dan 29C) dan kuasa untuk mendakwa (Seksyen 44). Pindaan ini memasukkan larangan sepenuhnya terhadap “pembakaran terbuka” (pembakaran luar) kerana insiden jerebu yang berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, pindaan pada tahun 2001 memperuntukkan situasi, iaitu seseorang itu boleh dikecualikan daripada larangan pembakaran terbuka. Pindaan pada tahun 2001 (Akta A1102) pula melibatkan pertambahan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan pelupusan sisa pepejal dan tahap liabiliti untuk melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat, selain pengarah syarikat, serta perkara yang berkaitan dengan pembakaran terbuka.

Seterusnya, pindaan AKAS pada tahun 2007 (Akta A1315) melibatkan dua pindaan yang berkaitan dengan hukuman penjara mandatori dan denda maksimum dalam kes pelupusan haram dan pergerakan haram sisa terjadual, dan orang yang boleh didakwa melibatkan dua peruntukan berasingan. Pertama, Seksyen 34B adalah berkenaan hukuman yang dikenakan terhadap mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan membabitkan sisa terjadual. Pindaan terhadap Seksyen 43 pula adalah berkenaan kesalahan yang dilakukan oleh Pengarah Syarikat dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Sekali lagi AKAS dipinda pada tahun 2012 (Akta 1441) yang melibatkan 48 pindaan. Antaranya termasuklah penambahbaikan pelaksanaan dan penguatkuasaan projek yang tertakluk di bawah Perintah EIA, termasuklah menaikkan penalti maksimum daripada RM100,000 kepada RM500,000 atas kesalahan EIA. Antara perkara baharu di bawah Akta A1441 termasuklah menangkap Orang yang Disyaki yang melakukan kesalahan di bawah AKAS tanpa waran; menyita dan melucutkan hak kenderaan, kapal, barang atau dokumen yang terlibat dalam perlakuan melanggar peruntukan akta; menuntut kos jagaan barang sitaan yang masih menunggu prosiding mahkamah; dan menghendaki orang yang mengetahui tentang sesuatu kes memberikan maklumat yang jika enggan, orang itu boleh dirujuk kepada mahkamah untuk perintah selanjutnya.

Pindaan AKAS ini mencerminkan usaha berterusan dan komitmen negara demi melindungi alam sekitar. Hal ini juga menunjukkan peningkatan dalam aspek penambahbaikan pengurusan alam sekitar di negara ini. Namun begitu, pindaan ini juga mencerminkan kebimbangan terhadap masalah dan magnitud pencemaran yang sentiasa meningkat.

Insiden pencemaran bahan kimia di Sungai Kim-Kim di Johor pada tahun 2019 yang menjejaskan kesihatan beribu-ribu orang awam dan pelajar sekolah menyebabkan Menteri Alam Sekitar pada ketika itu mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan akan mengambil langkah penyelesaian jangka panjang dengan meminda AKAS. Hal ini termasuklah mengambil kira tempoh dan jumlah hukuman yang lebih berat terhadap pelaku pencemaran. Setahun demi setahun, keadaan kualiti alam keliling yang makin merosot dan kes pencemaran yang makin meningkat menyebabkan kerajaan terdesak untuk meminda AKAS sekali lagi. Akhirnya, pada 4 April 2024, Dewan Negara meluluskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 bagi tujuan memperkasa fungsi Jabatan Alam Sekitar dari aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

ULASAN PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2023

Fokus utama Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 adalah untuk memantapkan dan meningkatkan kadar penalti terhadap kesalahan yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Pindaan ketujuh sejak tahun 1974 ini merangkumi perkara yang berikut:

- i. Pemantapan hukuman penalti bagi kesalahan di bawah AKAS dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000 dan denda maksimum tidak melebihi RM10 juta.
- ii. Peningkatan kadar kompaun daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan yang berkaitan.
- iii. Pewujudan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan yang melibatkan pencemaran air dan pencemaran buangan minyak, serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual.
- iv. Hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima tahun terhadap kesalahan yang melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan terhadap keperluan Laporan EIA.

Bagi tujuan peningkatan kadar penalti ini, lebih daripada 20 seksyen dipinda seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1.

Pindaan ini termasuk Seksyen 18 yang menetapkan keperluan pelesenan bagi premis dan kenderaan yang ditetapkan. Penalti di bawah Seksyen 18(3) ini dipinda, iaitu denda maksimum RM50,000 digantikan dengan denda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM250,000 dan tempoh maksimum penjara dinaikkan daripada dua tahun kepada lima tahun. Bagi

Jadual 1 Pindaan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Bahagian	Pindaan	Seksyen
Bahagian I Permulaan	Menambah takrif “pembakaran terbuka” pada senarai 43 istilah sedia ada yang berkaitan dengan alam sekitar.	2
Bahagian II Pentadbiran	Memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menentukan pakaian seragam bagi pegawai yang dilantik di bawah subseksyen masing-masing.	3
Bahagian III Lesen	Meningkatkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen masing-masing dan menetapkan denda minimum dan denda maksimum.	6
Bahagian IV Larangan dan Kawalan Mengenai Pencemaran	Meningkatkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen masing-masing dan mewujudkan denda minimum dan denda maksimum. Memasukkan kesalahan dan peruntukan penalti kerana melanggar subseksyen, masing-masing. Menyatukan dua seksyen masing-masing untuk mengukuhkan peruntukan yang berkaitan dengan pembakaran terbuka. Pindaan itu juga bertujuan untuk meningkatkan jumlah penalti dan memperuntukkan denda minimum dan denda maksimum.	18, 22, 23, 24, 25, 27, 29, 29A, 29AA, 30A, 31, 31A, 33, 34A, 34AA,
Bahagian IVA Kawalan Buangan Terjadual	Meningkatkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen masing-masing dan menetapkan denda minimum dan denda maksimum.	34B
Bahagian VI Pelbagai	Menaikkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen masing-masing dan menetapkan denda minimum dan denda maksimum; (1) Semua kompaun hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya sebelum dikeluarkan; (2) Menaikkan jumlah kompaun daripada maksimum RM2,000 kepada jumlah tidak melebihi 50% daripada denda maksimum yang diperuntukkan bagi setiap kesalahan. (3) Memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan yang menetapkan kesalahan boleh kompaun, meningkatkan tempoh pemenjaraan daripada dua tahun kepada lima tahun, dan menyediakan penalti bagi kesalahan yang berterusan.	37, 41, 45, 48, 48A, 48AD, 51

Seksyen 19 pula, Rang undang-undang memperkenalkan Seksyen 19(2) yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar Seksyen 19(1) boleh didenda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Terdapat kenaikan penalti yang ketara bagi pelbagai jenis kesalahan pencemaran. Bagi pencemaran udara di bawah Seksyen 22, kadar penalti yang dinyatakan dalam Seksyen 22(3) dipinda supaya denda maksimum RM100,000 digantikan dengan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM1 juta. Bagi kesalahan pencemaran bunyi di bawah Seksyen 23, penalti yang dipinda ialah denda maksimum RM100,000 yang digantikan dengan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM250,000. Berkenaan dengan Seksyen 24 tentang sekatan mengenai pencemaran tanah-tanah, denda maksimum RM100,000 digantikan dengan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak lebih daripada RM500,000. Kesalahan pencemaran perairan daratan di bawah Seksyen 25 juga dipinda daripada denda maksimum RM100,000 dan tempoh penjara maksimum lima tahun kepada hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM10 juta, iaitu denda maksimum yang jauh lebih tinggi daripada RM100,000 pada masa ini.

Di samping itu, bagi kesalahan yang berkaitan dengan pencemaran marin melalui Seksyen 27, iaitu larangan melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia, penalti yang dinyatakan dalam Seksyen 27(3), iaitu denda maksimum RM500,000 digantikan dengan denda yang tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM10 juta. Satu lagi peruntukan pencemaran marin, iaitu Seksyen 29 yang berkenaan larangan melepaskan buangan ke dalam perairan Malaysia juga dipinda. Dalam Seksyen 29, denda maksimum RM500,000 digantikan dengan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM10 juta. Rang undang-undang itu menggabungkan Seksyen 29A dan Seksyen 29AA mengenai larangan pembakaran terbuka menjadi Seksyen 29A yang baharu. Ungkapan “pembakaran terbuka” yang baharu yang ditakrifkan sebagai “apa-apa kebakaran, pembakaran atau kebakaran yang berlaku di udara bebas dan tidak dihalakan ke udara bebas itu melalui serombong atau cerobong” dipindahkan daripada Seksyen 29A(3) yang sedia ada kepada Seksyen 2. Melalui Seksyen 29A yang baharu, seseorang itu boleh didenda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak lebih daripada lima tahun, atau kedua-duanya sekali, dan boleh dikenakan denda selanjutnya yang tidak lebih daripada RM5,000 bagi setiap hari jika kesalahan itu berterusan.

Penalti bagi Seksyen 30A mengenai pelabelan alam keliling juga dipinda bagi menggantikan denda maksimum RM50,000 dengan denda tidak kurang RM25,000 dan tidak melebihi RM250,000. Kadar penalti bagi Seksyen 31 pula dinaikkan supaya denda maksimum RM25,000 digantikan dengan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM1 juta, dan hukuman penjara maksimum dua tahun dinaikkan kepada lima tahun. Bagi Seksyen 31A, denda maksimum RM50,000 dan penjara maksimum dua tahun digantikan dengan hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM1 juta. Seksyen 32 ini dinomborkan semula sebagai Seksyen 32(1). Penalti di bawah Seksyen 32(2) baharu ialah denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi Seksyen 33, kadar penalti yang dinyatakan dalam Seksyen 33(2) kerana melanggar notis yang dikeluarkan di bawah Seksyen 33(1) dipinda supaya denda maksimum RM50,000 dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM1 juta.

Pindaan Seksyen 34A berkenaan laporan EIA dibuat di bawah klausa 8. Sebelum pindaan, Seksyen 34A(8) memperuntukkan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara dalam tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Rang undang-undang ini menggantikan penalti, iaitu penjara mandatori tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM1 juta. Berkenaan Seksyen 34AA pula, sebelum pindaan, Seksyen 34AA(3) memperuntukkan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Rang undang-undang ini menggantikan penalti dengan penjara mandatori dalam tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM1 juta.

Selain itu, larangan terhadap buangan terjadual di bawah Seksyen 34B turut dipinda. Sebelum pindaan, Seksyen 34B(4) memperuntukkan bahawa penalti bagi pelanggaran Seksyen 34B ialah penjara mandatori dalam tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak melebihi RM500,000. Melalui pindaan di bawah rang undang-undang ini, tempoh mandatori penjara hingga lima tahun dan denda dikekalkan. Walau bagaimanapun, amaun denda dipinda kepada tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM10 juta. Seterusnya, bagi Seksyen 37 yang berkaitan dengan pemberian maklumat, seseorang yang enggan menjawab apa-apa soalan atau memberikan maklumat yang dikehendaki akan didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan atau

kedua-duanya sekali. Melalui rang undang-undang ini, denda dipinda kepada jumlah tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM50,000, manakala tempoh maksimum penjara ditingkatkan kepada dua tahun.

Seksyen 41 pula berkenaan dengan penalti yang tidak diperuntukkan bagi kesalahan yang diperuntukkan di bawah akta, iaitu tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Denda di bawah Seksyen 41 ini juga dipinda kepada jumlah yang tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM250,000. Bagi Seksyen 45 berkenaan mengkompaun kesalahan, klausa (1) mengenakan jumlah kompaun yang melebihi RM2,000. Peruntukan ini dipinda, iaitu amaun kompaun tidak boleh melebihi 50% daripada denda maksimum yang orang itu akan dipertanggungjawabkan berkenaan dengan kesalahan tersebut.

Seksyen 48 adalah berkenaan kuasa untuk menahan dan menjual kapal atas alasan bahawa pemunya atau nakhodanya telah melepaskan atau menumpahkan minyak atau campuran yang mengandungi minyak atau sisa terjadual. Denda yang terdahulu, iaitu tidak melebihi RM50,000 atau hukuman penjara dalam tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 48(2) telah ditingkatkan kepada tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM250,000. Bagi Seksyen 48A pula, seseorang yang gagal mematuhi seksyen ini boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 48A(8). Kadar denda juga dinaikkan kepada jumlah tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM50,000.

Seksyen 48AD memperuntukkan denda tidak melebihi RM10,000 atau hukuman penjara dalam tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Amaun denda pula dipinda kepada jumlah yang tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM100,000, serta tempoh penjara maksimum ditingkatkan kepada lima tahun. Akhir sekali, Seksyen 51 yang berkenaan peruntukan bagi peraturan menetapkan denda yang tidak melebihi RM100,000 atau hukuman penjara dalam tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Rang undang-undang ini memperkenalkan dua pindaan. Pertama, tempoh maksimum penjara dinaikkan kepada lima tahun. Kedua, penalti ingkar harian ditetapkan tidak lebih daripada RM1,000 bagi setiap hari kesalahan yang berterusan.

KESIMPULAN

Sejak penggubalannya pada 50 tahun yang lalu, skop dan strategi AKAS sentiasa dipinda, diubah atau ditambah baik bagi mencerminkan peningkatan dan kerumitan isu alam sekitar yang dihadapi oleh Malaysia. Walaupun

undang-undang alam sekitar ini paling komprehensif, akta ini perlu sentiasa dipinda untuk penambahbaikan dari aspek, seperti penguatkuasaan, pematuhan dan hukuman. Pindaan AKAS yang ketujuh melalui Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 memberikan penekanan yang ketara terhadap langkah penguatkuasaan. Hal ini termasuklah kenaikan yang ketara terhadap jumlah denda maksimum untuk pencemaran perairan pedalaman, pelepasan minyak atau bahan berbahaya alam sekitar, bahan pencemar atau sisa ke perairan Malaysia, dan menangani sisa terjadual tanpa kelulusan. Hukuman penjara mandatori juga dikenakan bagi beberapa kesalahan, seperti pencemaran perairan pedalaman, ketidakpatuhan terhadap laporan penilaian alam sekitar, pelanggaran perintah larangan yang berkaitan dengan loji atau proses perindustrian dan pelanggaran perintah larangan atau perintah berhenti kerja yang berkaitan dengan aktiviti yang ditetapkan. Pindaan ini dialu-alukan kerana kadar penalti yang ditingkatkan diharap dapat memberikan kesan yang diinginkan dan menjadi penghalang terhadap pelanggaran undang-undang, di samping meningkatkan pematuhan. Walau bagaimanapun, sangat penting agar peruntukan yang lapuk dalam AKAS sentiasa dipinda. Beberapa pindaan baharu disyorkan agar dimasukkan dalam AKAS untuk mengukuhkan strategi pencegahan dan mitigasi, selain menyemak semula piawaian pencemaran, serta langkah perlindungan dan pemulihan untuk menangani krisis alam sekitar yang mendesak.

NOTA

- 1 Pencemaran Sungai Kim Kim: Kerajaan bakal pinda akta, hukuman lebih berat Astro Awani 20/03/2019 17:26 MYT <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pencemaran-sungai-kim-kim-kerajaan-bakal-pinda-akta-hukuman-lebih-berat-201668>.

RUJUKAN

- Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 (Bacaan Pertama 16 November 2023) (D.R. 23/2023)
Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKTA 127)